

# Kenyataan Mahathir meredakan keadaan...

KUALA LUMPUR, Isnin— Ramai perwakilan mengatakan penjelasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di akhir Perhimpunan Agung meredakan keadaan dalam isu sokongannya kepada Datuk Musa Hitam.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Malaysia, Datin Paduka Aishah Ghani, berkata, penjelasan itu memang telah meredakan keadaan hangat mengenai isu itu.

Katanya, kalau orang itu mengambil sikap terbuka, sudah tentu kenyataannya sudah cukup membuktikan kejujuran dan keikhlasan Datuk Seri Dr Mahathir.

"Datuk Seri Dr Mahathir telah berterus terang dan tidak seharusnya mana-mana pihak terasa hati dalam masalah itu," ujarnya.

Exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Haji Khalid Yunus, berkata, ucapan penangguhan Presiden itu melenyapkan kekeliruan di kalangan perwakilan.

## Prasangka

Katanya, memang tidak dinafikan bahawa ucapan dasarnya telah menimbulkan banyak tanda tanya. Tetapi ia tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk mengeruhkan keadaan.

"Apa yang perlu, setiap pihak jangan mempunyai prasangka terhadap sesiapa pun dalam perkara ini," ujarnya.

Seorang lagi Exco, Encik Mohd. Nazri Tan Sri Aziz, menegaskan, ucapan itu memang tidak dapat disangkal telah dapat meredakan kehangatan yang menyelubungi perhimpunan selama dua hari itu.

Katanya, Datuk Seri Dr Mahathir telah mengambil tindakan yang bijak bila beliau menjelaskan pengertian mengenai maksud 'leftenan' dan 'semangat berpasukan'.

"Saya percaya perwakilan Umno seluruhnya faham mengapa beliau terpaksa menjelaskan kedudukan sebenarnya, iaitu tidak lain dan tidak bukan demi perpaduan Umno," ujarnya.

Wakil Tanjung Malim, Encik Mohd. Ali Kamaruddin, juga bersetuju ucapan itu akan menjernihkan sebarang kekeruhan yang mungkin berlaku di kalangan anggota Umno.

Katanya, penegasan yang dibuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir akan menghilangkan prasangka dan kekeliruan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri 5888  
No. Pener. maan 205/86